

BERITA *بريتا قراجوريت دان قرتاهنن* PERAJURIT & PERTAHANAN

VOL.8 - 31 MEI 2021

EDISI KHAS SEMPENNA JUBLI INTAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

KEBERANGKATAN DIRAJA
KE KEMENTERIAN PERTAHANAN
DAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



ISI KANDUNGAN



KOMPILASI KEBERANGKATAN
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

PENGURNIAAN PANGKAT MEJAR TETAP KEPADA DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI 920 KPT (U) PG MUDA ABDUL MATEEN	3
KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2021	4
SEKOLAH PEGAWAI KADET PENGAMBILAN 17, 18 DAN 19 <i>SOVEREIGNS' PARADE</i>	6
KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2019	11
EKSES AIS SETIA KAWAN III	13
HUT ABDB KE 55-58	15
PENUTUP BISAM KE 11 2015	20



KOMPILASI KEBERANGKATAN
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Makhota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

UPACARA HARI KEPUTERAAN 2021	22
KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE HMAS DECHAIINEUX	23
REGIONAL JUNGLE WARFARE SYMPOSIUM DEMONSTRATION	24
DOA KESYUKURAN HUT ABDB	25
EKSES AIS HIKMAT BERSATU V	26
PEGAWAI KADET PENGAMBILAN KE-13	28
PEMBUKAAN BISAM KE-11 2015	29



KOMPILASI KEBERANGKATAN
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri
920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

<i>THE SOVEREIGN'S PARADE</i> <i>ROYAL MILITARY ACADEMY SANDHURST</i>	33
KENAIKAN PANGKAT LEFTENAN	34
KENAIKAN PANGKAT KAPTEN	35
PENGURNIAAN ' <i>ROYAL AIR FORCE WING BADGE</i> '	36
PENGURNIAAN LENCANA JURUTERBANG TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI	37
MAJLIS MAKAN MALAM BERADAT TUDB SEMPENA PERTUKARAN PEMERINTAH TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI.	38
LATIHAN KHAS MARITIM	39
PENGURNIAAN LENCANA REJIMEN PASUKAN KHAS	41
PENGURNIAAN LENCANA ' <i>AIRBORNE AND FREE FALL BADGE</i> '	43
KENAIKAN PANGKAT MEJAR	45
KELAYAKAN KATEGORI LATIHAN <i>COMBAT READY (CR)</i>	46



KOMPILASI RIADAH BERSAMA
KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

RIADAH BERBASIKAL SEMPENA HUT ABDB 2018	50
KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ABDB SERTA ACARA RIADAH BERBASIKAL HARI KELUARGA KEBANGSAAN KE 7	51
KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ABDB SERTA RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2018	52

K
O
M
P
I
L
A
S
I

K
E
B
E
R
A
N
G
K
A
T
A
N



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para Pegawai Kanan yang dinaikkan pangkat.



PENGURNIAAN PANGKAT MEJAR TETAP KEPADA DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI 920 KPT (U) PG MUDA ABDUL MATEEN

Khamis, 20 Mei 2021 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang telah dinaikkan ke pangkat Mejar tetap.

dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Sejurus tiba di Mes Pegawai Bolkiah Garison, Baginda berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, di mana kenaikan pangkat tersebut berkuat kuasa mulai 20 Mei 2021.

Turut berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, majlis berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison. Ketibaan Baginda dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff

Di majlis yang sama, Baginda juga berkenan mengurniakan tanda pangkat kepada 26 orang Pegawai Kanan ABDB.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai kenangan bersama ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama dan para Pegawai Kanan yang dinaikkan pangkat.





Rabu, 31 Mac 2021 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Kementerian Pertahanan di Bolkiah Garison.

daripada lima pegawai dan 105 anggota lain-lain peringkat dari Kompeni D, Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (2Bn TDDB) yang diketuai oleh Pemerintah Kawalan Kehormatan, Mejar Harensuhandy bin Haji Abdullah dari Unit Tugas Pengawal Diraja.

Turut mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda seterusnya dijunjung berangkat ke Blok Menara dan seterusnya dijunjung berangkat ke Dewan Gerak Badan, Bolkiah Garison. Baginda seterusnya berkenan mengurniakan titah yang dihadiri oleh pegawai-pegawai ABDB.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat. Baginda kemudian berkenan menerima Tabik Hormat Diraja sebelum memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berakhir di Mes Pegawai Bolkiah Garison di mana Baginda telah berkenan beramah mesra dengan Pegawai-Pegawai Kanan ABDB dari TDDB, TLDB, TUDB, Markas Angkatan Bersama, Institut Latihan dan Akademi Pertahanan ABDB, Kementerian Pertahanan, Pegawai-Pegawai perkhidmatan pinjaman British dan doktor-doktor perkhidmatan pinjaman dari Republik Islam Pakistan.

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2021





"...Selaku institusi keselamatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memikul tanggungjawab besar untuk mempertahankan ugama, bangsa dan negara. Maka untuk tujuan itu, tentu saja memerlukan barisan pemimpin yang benar-benar berwibawa. Mereka dikehendaki memiliki keperibadian yang luhur selaku seorang ketua atau Pegawai Kanan tentera dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei."

"...Satu perkara lagi turut dipentingkan, semua peringkat kepimpinan hendaklah bertanggungjawab untuk memperkasa kerohanian bagi setiap anggota yang dipimpin. Dengan berpaksikan nilai-nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu takwa, berani, profesional dan setia."

PETIKAN TITAH KDYMM SEMASA KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2021





KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan DTYM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-19

SEKOLAH PEGAWAI KADET PENGAMBILAN 17, 18 DAN 19 SOVEREIGN'S PARADE

Khamis, 21 Januari 2021 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara *Sovereign's Parade* bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan ke-17, ke-18 dan ke-19 Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Kampung Tanah Jambu, pada 29 Januari 2019, 23 Januari 2020 dan 21 Januari 2021.

Berangkat mengiringi keberangkatan Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada *Sovereign's Parade* Pengambilan ke-19 tahun 2021, Baginda menekankan agar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengambil ingatan bahawa perkembangan teknologi berupaya untuk mengimbangi kekurangan tenaga kerja. "Aplikasi teknologi juga perlu diberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pentadbiran dan kebolegunaan", titah Baginda lagi.



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah menandatangani lembaran kenangan SPK pengambilan ke-17



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan kepada Pegawai Kadet

1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI




KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-19



DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar bersama Pegawai Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-19

“Semenjak satu dekad penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, ABDB telah berjaya melahirkan seramai 523 pegawai tentera yang bertauliah. Majoriti daripada mereka ini, ada yang telah memegang jawatan-jawatan penting dalam unit-unit ABDB, di samping ada juga yang telah berkhidmat di Sekolah Pegawai Kadet sebagai *Intake Commander*,” titah Baginda pada tahun 2020.



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-18



DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar bersama Pegawai Sekolah Pegawai Kadet pengambilan Ke-17



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar bersama Pegawai Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-19

Baginda juga bertitah agar semua pegawai kadet yang ditauliahkan untuk sentiasa menjaga disiplin dan tahap profesionalisme masing-masing, di samping sentiasa memelihara pegangan kerohanian untuk mendapatkan rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wa-Ta'ala daripada gejala-gejala buruk.



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menyaksikan perbarisan Sekolah Pegawai Kadet pengambilan ke-19

"...Kepada pegawai-pegawai kadet yang menamatkan latihan mereka pada pagi ini, Beta sekali lagi mengucapkan syabas di atas kecekalan dan semangat gigih awda menjalani kursus yang bermakna ini sehingga berjaya. Hari ini menandakan bermulanya kerjaya awda sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bertauliah. Sebagai pemimpin khususnya sebagai seorang pegawai muda memerlukan komitmen dan integriti yang tinggi selain sentiasa menjadi role model kepada yang dipimpin."

**PETIKAN TITAH KDYMM
SEMPENA UPACARA
SOVEREIGN'S PARADE
SEKOLAH PEGAWAI KADET
PENGAMBILAN KE-19**



NILAI-NILAI TERAS ABDB



**TAKWA
BERANI
PROFESIONAL
SETIA**

1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke TUDB



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke TDDB

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2019



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke TLDB



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke Kementerian Pertahanan

Isnin, 30 September 2019 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengadakan lawatan kerja pada 26 September 2019 ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Manakala pada 30 September 2019 Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di Pangkalan Tentera Udara, Rimba dan Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).





"...Mengambil berat perkara disiplin bererti menjaga sebahagian dari kebajikan anggota ABDB. Mereka tidak diragukan lagi adalah aset utama ABDB. Oleh itu, tahap moral setiap anggota perlu dijaga, jangan ia merosot. Jika tahap moral itu rendah, maka padahnya boleh menjejaskan sumbangan anggota terhadap organisasi pertahanan."

PETIKAN TITAH KDYMM SEMASA KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE ABDB 2019



EKSESAIS SETIA KAWAN III



Isnin, 10 September 2019 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri EkseSAIS Setia Kawan III yang berlangsung di Penanjong Garison, Tutong.

Berangkat mengiringi keberangkatan Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda berkenan memulakan lawatan ke Kapal HMS ALBION di mana keberangkatan tiba Baginda dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua dan Pemerintah ABDB. Selepas lawatan ke kapal tersebut Baginda berangkat ke Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison.





Sejurus keberangkatan tiba di Kawasan Padang Tembak Binturan, Baginda dijunjung berangkat ke pentas khas untuk menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa perbarisan kehormatan Diraja yang terdiri daripada anggota ABDB. Baginda kemudian berkenan menyaksikan gabungan demonstrasi amfibia ABDB dan Tentera Laut Diraja United Kingdom dan diikuti dengan pameran statik Unit Amfibia Pantai. Selepas menyaksikan demonstrasi berkenaan, Baginda berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Pemerintah ABDB.

Sebelum berangkat pulang, Baginda juga menyaksikan Pameran Statik Galeri Setia Kawan dan berkenan menerima pesambah daripada Pemerintah ABDB. Baginda kemudiannya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan junjung ziarah daripada anggota yang terlibat dalam demonstrasi berkenaan.



HUT ABDB KE 55-58

Ahad, 30 Jun 2019 - Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menjadi satu detik sejarah manis dan bertambah meriah dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat mengiringi keberangkatan Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada setiap tahun, sambutan HUT dilangsungkan pada tempat yang berlainan. Sambutan HUT ke-56 diadakan di Pengkalan Tentera Laut Diraja Brunei, manakala HUT ke-57 diadakan di Penanjong Garison dan HUT ke-58 diadakan di Bolkiah Garison.

Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB yang disambut setiap tahun setentunya merupakan hari istimewa khususnya bagi menghargai pengorbanan para warga ABDB berserta keluarga, sama ada yang masih berkhidmat, mahupun yang telah bersara, di samping memperingati anggota ABDB yang telah tiada.



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke HUT ABDB ke-58



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke HUT ABDB ke-56

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN
FIRST DEPUTY MINISTER OF DEFENCE

"Kita perlu membina teras KEPIMPINAN yang kukuh dalam organisasi ini disamping sentiasa menimba pengetahuan kerana inilah satu-satunya cara ABDB dapat berkembang pada masa akan datang."
"We have to build a good LEADERSHIP core within the organization as well as to continuously seek knowledge - this is the only way for the RBAF to continue progressing into the future."





Sehubungan itu, Kemuncak Sambutan HUT ABDB Ke-58 berlangsung penuh gilang-gemilang dengan Upacara Perbarisan Raksasa, Persembahan Arena dan Pameran Statik yang mengambil tempat di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Muzium ABDB Bolkiah Garison bagi Pameran Sejarah dan Perjalanan ABDB.



Pada kebiasaannya, sambutan ini diraikan dengan Upacara Perbarisan Raksasa yang terdiri daripada lebih 1000 orang anggota gabungan unit-unit ABDB dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Rejimen Pasukan Khas (RPK) ABDB, Pasukan Askar Wanita dan Gabungan Pancaragam ABDB yang diikuti dengan berjalan lalu oleh pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Panji-panji Pasukan ABDB, terbang lalu pesawat-pesawat TUDB, persembahan arena menunjukkan keupayaan ABDB dalam melaksanakan operasi dan pameran statik.

Ini diharap akan memberi peluang khususnya kepada ahli keluarga ABDB dan warga awam untuk melihat aset-aset serta keupayaan tentera yang telah sedia ada serta menunjukkan pelaksanaan operasi ketenteraan secara lebih dekat.





"...Keamanan adalah nikmat besar dari Allah, yang dengannya, membolehkan kita membangun dengan selesa. Adapun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah merupakan tonggak utama bagi keamanan. Kita amat beruntung dikurniakan keamanan, dimana tanpa keamanan, semua usaha pembangunan sukar untuk dilaksanakan. Dan dengan adanya pembangunan pula, kenikmatan hidup pun dapat dirasakan. Namun kita mesti sedar, bahawa kenikmatan itu, janganlah ia melalaikan kita, demi mengingat, bahawa ancaman global adalah dinamik, cepat dan merentas sempadan"

PETIKAN TITAH KDYMM PADA HUT ABDB YANG KE - 58



PENUTUP BISAM KE-11 2015

Khamis, 31 Januari 2015 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Upacara Penutupan Rasmi Kejohanan Kemahiran Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM) Ke-11, 2015 di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Kejohanan tersebut disertai dari 16 buah negara terdiri daripada Amerika Syarikat, Australia, Kemboja, Kesultanan Oman, Malaysia, Negara Brunei Darussalam, New Zealand, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Filipina, Republik Singapura, Republik Sosialis Vietnam, Republik Islam Pakistan, Thailand dan United Kingdom.

Pemerintah ABDB dalam sembah taklimatnya menyatakan kejohanan telah menunjukkan peningkatan dari bilangan penyertaan BISAM yang sebelumnya. Ini jelasnya, menunjukkan penghormatan, kepercayaan dan sokongan negara-negara sahabat kepada Negara Brunei Darussalam, selaku tuan rumah dan penganjur serta perasaan persahabatan dan setia kawan dalam kalangan negara-negara berkenaan.

Selepas itu, Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Lapangan Padang Tembak Galeri 1 bagi menyaksikan perlawanan akhir acara menjatuhkan piring besi 'rifle' di antara wakil pasukan Negara Brunei Darussalam' dan Tentara Nasional Indonesia (TNI). Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan berangkat menyertai Perlawanan Khas Menembak dalam Kategori *VVIP Novelty*. Acara kemuncak bagi Kejohanan tersebut ialah pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang yang diperkenankan oleh Baginda.

BISAM 2015 dihasratkan untuk memberi peluang kepada para penembak antarabangsa dan profesional untuk mempamerkan kemahiran, kemampuan dan keupayaan masing-masing. Pertandingan itu juga merupakan sebuah pertemuan bagi para penembak dalam meraih kemenangan, selain sebagai salah satu 'platform' bagi setiap kontinjen mengukuhkan tali persahabatan dan persefahaman yang sedia terjalin.



PERSEDIAAN DI

TEMPAT KERJA

PELAN TINDAKAN

Buat pelan tindakan sebagai persediaan berhadapan kemungkinan jangkitan COVID-19 di tempat kerja:

1. ASINGKAN PEKERJA YANG SAKIT DI TEMPAT YANG DIKHUSUSKAN:
Asingkan, Hadkan perhubungan dan Hubungi 148
2. KENAL PASTI PEKERJA YANG BERISIKO TINGGI DIJANGKITI WABAK,
DAN BANTU MEREKA
3. SENTIASA MENYIMPAN SENARAI NAMA PEKERJA-PEKERJA YANG
DISYAKI DIJANGKITI COVID-19

BEKERJA SECARA DALAM TALIAN

GALAKKAN BEKERJA SECARA DALAM TALIAN DI TEMPAT KERJA. BEKERJA SECARA DALAM TALIAN membantu PERKHIDMATAN berjalan lancar selain memastikan pekerja-pekerja sentiasa dilindungi daripada terdedah kepada jangkitan

PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Gubal PELAN KONTIGENSI DAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN bagi penularan wabak melibatkan komuniti kerja di tempat-tempat OPERASI PERKHIDMATAN anda



OHS Poster
April 2020
Inspectorate Unit RBAF

**K
O
M
P
I
L
A
S
I

K
E
B
E
R
A
N
G
K
A
T
A
N**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Makhota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah**

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri



UPACARA HARI KEPUTERAAN 2021

Rabu, 17 Febuari 2021 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-45 Tahun yang dihoskan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Majlis tersebut berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia serta Kerabat Diraja yang lain dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua dan Pemerintah ABDB.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menerima buku album gambar bertajuk 'Sejambak Ristaan XII' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan sempena Lawatan Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Kementerian Pertahanan dan ABDB. Seterusnya dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan.





KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KE HMAS DECHANEUX

Sabtu, 7 Mac 2020 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat lawatan kerja ke HMAS DECHANEUX (COLLINS CLASS SUBMARINE).

Setibanya di Muara *Commercial Wharf*, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan Pemerintah ABDB.

Lawatan dimulakan dengan taklimat keselamatan yang disampaikan oleh Komander Brad Francis. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemudian menaiki kapal selam dan melawat *Mess Senior Sailor*, Bilik Kawalan, Petak Penyimpanan Senjata, *Mess Junior Sailor*, Bilik Penjana Motor dan Bilik Kawalan Jentera.

Kapal selam HMAS Dechaineux, yang berpusat di *Fleet Base West* di Australia Barat adalah kapal selam Kelas Collins keempat yang ditugaskan untuk bertugas di Tentera Laut Diraja Australia pada 23 Februari 2001. Mampu memuatkan 38 kru dan 10 pegawai dan merupakan salah satu kapal selam yang dirancang dengan komputer.



1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA RIJINI



REGIONAL JUNGLE WARFARE SYMPOSIUM DEMONSTRATION

Selasa, 2 Julai 2019 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat untuk menyaksikan *Field Demonstration, Regional Jungle Warfare Symposium* pada tahun 2018 dan 2019.

Pada tahun 2019, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah taklimat yang disampaikan oleh Mejar Rudie Asmawi bin Haji Abidin, Ketua Jurulatih, Institut Latihan ABDB (IL ABDB). Selesai mendengarkan taklimat, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menaiki *Rigid Inflatable Boat (RIB)* untuk melihat dengan lebih dekat lagi *Field Jungle Warfare Demonstration*.

Seramai 37 delegasi yang menyertai *Regional Jungle Warfare Symposium 2019 (RJWS)* bersama dengan Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom dan Penasihat/Atase Pertahanan negara-negara yang terlibat. Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menerima Pesambah daripada pihak Pengerusi Bersama, IL ABDB dan *British Force Brunei (BFB)* dan kemudian menghadiri Majlis Santap Pagi. *Regional Jungle Warfare Symposium 2019* merupakan anjuran IL ABDB dan BFB di mana ia merupakan acara ketiga sejak pertama kalinya diadakan pada tahun 2017.



Demonstrasi tersebut adalah salah satu usaha bagi meningkatkan kerjasama serantau yang lebih luas dalam Pembangunan Kapasiti Peperangan Hutan, Perkongsian Maklumat dan Penyelidikan serta Pembangunan di peringkat Operasi dan Taktikal, Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei, dan *Second Battalion Royal Gurkha Rifles (2RGR)*. Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani lembaran keberangkatan dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai.





DOA KESYUKURAN HUT ABDB

Jumaat, 31 Mei 2019 - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kini menjangkau usianya ke-58 Tahun dan sekali lagi, sambutannya jatuh dalam bulan suci Ramadan Al-Mubarak.

Sehubungan dengan itu, Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang ke-58 diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Surau Ad-Difa', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran dari Surah As-Saff bermula dari ayat 10 sehingga 14 yang dibacakan oleh Leftenan Muhammad Hidayatullah Sunazul Fikar bin Suip (Al-Hafiz).

Tema Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB pada tahun ini ialah 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara', dengan upacara kemuncak sambutan yang akan diadakan di Bolkiah Garison pada 30 Jun.



EKSESAIS HIKMAT BERSATU V

Selasa, 5 April 2016 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah berkenan berangkat untuk menyaksikan secara dekat Eksesais Hikmat Bersatu V/2016 (HB V/2016).

Eksesais Hikmat Bersatu V pada kali ini memberi tumpuan terhadap senario ancaman keselamatan yang melibatkan kumpulan pengganas 'One Mapan Group' (OMG) dari negara khalayan 'HILAGA' yang bersembunyi di negara ini.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pertunjukan yang mana pada fasa pertama gerakan bersama, didahului dengan operasi menyelamat tawanan oleh Rejimen Pasukan Khas dan dibantu oleh aset-aset TUDB. Pertunjukan diteruskan dengan fasa kedua dimana pasukan TDDDB telah digerakkan bagi membasmi saki baki musuh di kawasan tersebut. Selesai menyaksikan pertunjukan, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan untuk menembak senjata berat jenis M2HB 50 kaliber.

Tujuan Eksesais Hikmat Bersatu V pada kali ini adalah bagi memperlihatkan reaksi dan kemampuan pertahanan udara di dalam menangkis sebarang ancaman musuh dari ruangan udara. Latihan ini diadakan untuk mempersiapkan siagakan dan menguji Tentera Udara Diraja Brunei dalam bertindak apabila menerima ancaman. Latihan ini diharapkan dapat memberi pengajaran dan pengalaman yang berguna kepada setiap anggota yang terlibat.

Eksesais ini telah bermula sejak 1 April dan akan berakhir pada 7 April 2016. Turut memberi bantuan di dalam Eksesais Hikmat Bersatu V/2016 adalah *First Battalion Royal Gurkha Rifles (1RGR)*, Pasukan Simpanan Gurkha, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan-Jabatan Daerah, beberapa Mukim dan Kampong. Eksesais ini melibatkan beberapa kawasan di perairan Negara Brunei Darussalam dan beberapa kawasan pendalaman, perumahan dan komersil termasuk jalan-jalan raya di beberapa tempat di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.



PEGAWAI KADET PENGAMBILAN KE-13

Khamis, 22 Oktober 2015 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Upacara *Sovereign's Parade* bagi 27 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar.

Pada upacara itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan sabda dan mengurniakan anugerah-anugerah kepada Pegawai Kadet Terbaik dalam setiap jurusan bagi pengambilan ke-13 sekolah ini. Penerima Anugerah Pedang Kehormatan merupakan anugerah penghormatan tertinggi bagi seorang Pegawai Kadet kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merupakan simbol tonggak kecemerlangan keseluruhan terbaik bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan latihan fasa jurusan perkhidmatan dalam semua aspek.





PEMBUKAAN BISAM KE - 11 2015

Selasa, 20 Januari 2015 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke perasmian Kemahiran Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM) Ke-11 yang berlangsung di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Dato Paduka Haji Awang Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd Tawih bin Abdullah. Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat untuk junjung ziarah bersama dengan ketua-ketua kontinjen dan berkenan bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai ABDB, Penasihat Pertahanan dan wakil-wakil kontinjen.

Kejohanan berprestij yang berlangsung selama 11 hari telah menyaksikan kemasukan baru 'marksmen' dan penembak dari negara China, Republik Filipina, Thailand dan Amerika Syarikat ke dalam kumpulan pesaing tetap BISAM dari Australia, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan United Kingdom, termasuk penyertaan semula dari Republik Demokratik Rakyat Lao, New Zealand, Kesultanan Oman, Republik Sosialis Vietnam dan Republik Islam Pakistan.

BISAM bertujuan untuk mempamerkan tahap kemahiran menembak yang tinggi di samping memberi peluang untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan antara peserta walaupun pakaian seragam yang berbeza. Pertandingan itu juga berfungsi sebagai platform yang bermakna untuk menggalakkan jalinan muhibah dan menjalin hubungan yang lebih rapat secara peribadi dan profesional.

Sejak tahun 1985, BISAM telah menjadi kejohanan menembak tentera terunggul Negara Brunei Darussalam di mana pertandingan tersebut terbuka kepada anggota-anggota Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.





WAKTU MENERIMA PENDAFTARAN :
HARI ISNIN HINGGA HARI RABU
-0800 PAGI HINGGA 1130 PAGI
-1400 PETANG HINGGA 1600 PETANG
HARI KHAMIS - PENTADBIRAN DAN TAKLIMAT
JUMAAT - PENTADBIRAN & SUKAN

HUBUNGI KAMI DITALIAN TELEFON : +673 2386898
ATAU LAYARI LAMAN WEB :
<http://www.mindef.gov.bn> ATAU
fro@mindef.gov.bn



ALAMAT PENDAFTARAN :
PEJABAT PENGAMBILAN, JABATANARAH KEANGGOTAAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
BOLKIAH GARISON
BANDAR SERI BEGAWAH

RIJALAH
PENGAMBILAN BAKAL-BAKAL
PEGAWAI KADET LELAKI DAN WANITA
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

Pemohon yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya tentera sebagai bakal Pegawai Kadet mestilah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan kemasukan perkhidmatan ABDB.

1. **Taraf Kelamin**
 a) Pemohon lelaki : Bujang
 b) Pemohon wanita : Bujang dan tidak pernah berkahwin/melahirkan anak.
2. **Umur** : Berumur di antara 18 tahun hingga 28 tahun (tidak melebihi tepat 28 tahun 0 bulan 0 hari) pada tarikh Badan Penauliahan ABDB dimulakan.
3. **Syarat & Kelayakan Kemasukan** :

Sihat tubuh badan dan memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh seperti berikut :-

KELAYAKAN	BAKAL KADET LELAKI	BAKAL KADET WANITA
Ketinggian	160cm (5 kaki 3 inci)	152cm (5 kaki)
Indek Jisim Tubuh (IJT) atau BMI	19 hingga 27 BMI	19 hingga 27 BMI

Formula : Berat (kg) ÷ Tinggi (m) ÷ Tinggi (m) = BMI

- Kategori A**
- a. Rakyat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di - Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b. Pemegang Kad Pengenalan KUNING
 - c. Dilahirkan di Negara Brunei Darussalam.
 - d. Terdiri dari salah satu daripada 7 puak jati Bangsa Melayu seperti berikut :
 - i. Brunei
 - ii. Tutong
 - iii. Belait
 - iv. Kedayan
 - v. Dusun
 - vi. Murut
 - vii. Bisaya
- Kategori B**
- a. Rakyat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di - Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berkuakuasa mana-mana undang-undang bertulis mengenai KERAKYATAN memegang Kad pengenalan KUNING termasuk seperti berikut :
 - i. Bukan dilahirkan di Negara Brunei Darussalam.
 - ii. Bukan dari puak jati Bangsa Melayu.
 - iii. Beragama Islam serta menurut adat resam Melayu.
 - iv. Dimestikan menghadapkan surat permohonan ke pihak ABDB.

4. **Kelayakan Akademik**
 Pemohon mestilah mempunyai kelayakan akademik minima **Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) di dalam apa jua bidang yang diceburi**. Kelayakan Akademik yang lebih tinggi adalah menjadi keutamaan seperti **Sarjana Muda (Degree), Sarjana (Master)** dan **PHD**. Setiap kelulusan hendaklah di luluskan oleh pihak Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam (MKPK).

Pemohonan yang memenuhi syarat-syarat tersebut di atas akan diproses oleh Pejabat Pengambilan yang mana para pemohon akan mengikuti beberapa ujian yang **DIMESTIKAN LULUS** iaitu pemeriksaan kesihatan pergigian (*Dental*) dan pemeriksaan kesihatan tubuh badan (*Medical Check*), tapisan keselamatan (*Security Vetting*), Ujian Bertulis Bahasa Inggeris dan Ujian Psikologi, Badan Penauliahan ABDB (BP ABDB).

PROSES PEMILIHAN

Pemohon yang layak mestilah lulus dalam ujian-ujian yang dijalankan oleh pihak ABDB seperti berikut :-

- **Pemeriksaan Kesihatan Pergigian dan Kesihatan Tubuh Badan**
 Pemohon akan menjalani pemeriksaan yang diatur oleh pihak ABDB bagi kesihatan pergigian dimestikan sihat (*Fit Dental*) dan pemeriksaan kesihatan tubuh badan (*X-Ray, Test Blood* dan *PULHHEEMS*) dimestikan sihat (*Fit Medical*) oleh pihak Perubatan ABDB.
- **Ujian berenang** - Setiap pemohon akan berenang sejauh 50 meter dengan menggunakan Gaya Bebas dan Kuak Dada sehingga penamat.
- **Ujian Kecergasan** - Pemohon akan menjalani ujian seperti berikut :
 - a) Ujian berlari sejauh 2.4 km.
 - b) Ujian IFA, Setiap pemohon akan berlari sejauh 2.4km, diikuti dengan ujian statik yang menguji kecergasan tubuh badan iaitu *Pull-Up, Sit-Up* dan *Push-Up* dalam masa satu minit.
- **Badan Penauliahan ABDB (BP ABDB)**
 Badan Pentauliahan ABDB (BP ABDB) merupakan satu badan yang bersidang dalam pemilihan bakal Pegawai Kadet ABDB yang dijalankan dalam jangka masa 4 ke 5 hari. Pemohon yang layak bagi mengikuti Badan Penauliahan akan menduduki beberapa ujian yang dijalankan oleh pihak ABDB seperti :-
 - **Temuduga Sindiket**
 - **Lecturette**
 - **Perbincangan Berkumpulan**
 - **Individual Problem Solving**
 - **Leaderless (Kepimpinan)**
 - **Command and Task**
- **Temuduga Akhir** - Pemohon yang disokong Badan Penauliahan ABDB akan mengikuti Temuduga Akhir.

Pemohon yang LULUS secara keseluruhan dan DISOKONG PENUH oleh Badan Temuduga Akhir akan diserahkan kepada Sekolah Pegawai Kadet ABDB untuk menjalani latihan sebagai seorang Pegawai Kadet. Tempoh latihan Pegawai Kadet adalah selama **52 minggu**. Seterusnya menjadi seorang Pegawai yang bertauliah dan berkhidmat di Unit-Unit Angkatan Tentera dalam ABDB sebagai seorang Pegawai Tentera Terlatih yang **SETIA pada Raja & Negara, BERTAKWA dan BERANI** untuk mempertahankan **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**.



WAKTU MENERIMA PENDAFTARAN:

HARI ISNIN HINGGA RABU

0800 PAGI HINGGA 1130 PAGI

1400 PETANG HINGGA 1600 PETANG

HARI KHAMIS – PENTADBIRAN DAN TAKLIMAT

HARI JUMAT – PENTADBIRAN & SUKAN



HUBUNGI KAMI DI TALIAN TELEFON: +673 2386998

ATAU LAYARI LAMAN WEB:

<http://www.mindef.gov.bn> ATAU

fre@mindef.gov.bn

RISALAH

PENGAMBILAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI DAN WANITA

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

ALAMAT PENDAFTARAN:
PEJABAT PENGAMBILAN ABDB, JABATANARAH KEANGGOTAAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
BOLKIAH GARISON
BANDAR SERI BEGAWAN

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

Pemohon yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut (Lelaki atau Wanita) ABDB mestilah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan kemasukan perkhidmatan ABDB.

1. Taraf Kelamin

- Pemohon lelaki : Bujang atau berkahwin.
- Pemohon wanita : Dimestikan bujang dan tidak pernah berkahwin/melahirkan anak

2. **Umur** : Berumur di antara 18 tahun hingga 25 tahun pada tarikh Latihan Asas ABDB dimulakan.

3. Syarat & Kelayakan Kemasukan :

a) Mempunyai tubuh badan yang sihat, memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut:

KELAYAKAN	BAKAL REKRUT LELAKI	BAKAL REKRUT WANITA
Ketinggian	155cm (5 kaki 1 inci)	152cm (5 kaki)
Indek Jisim Tubuh (IJT) atau BMI	19 hingga 27 BMI	19 hingga 27 BMI

Formula : Berat (kg) ÷ Tinggi (m) ÷ Tinggi (m) = BMI

b) Terdiri daripada rakyat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Kad Pintar berwarna 'KUNING' sahaja dan terdiri daripada dua kategori di bawah ini :

Kategori A

- Dilahirkan di Negara Brunei Darussalam.
- Terdiri daripada salah satu 7 puak jati Bangsa Melayu iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

Kategori B

- Mempunyai suratkuasa dengan undang-undang bertulis mengenai KERAKYATAN.
- Rakyat yang bukan terdiri daripada 7 puak jati Bangsa Melayu.
- Mestilah beragama Islam serta menurut adat resam Melayu.
- Pemohon dikehendaki untuk menghadapkan surat permohonan ke pihak ABDB berserta dengan risalah yang diperlukan.

4. Kelayakan Akademik

- Minima 2 Kredit (Gred A, B atau C) Sijil Am Pelajaran Brunei - Cambridge Peringkat Biasa 'O' Level di dalam apa sahaja mata pelajaran.
- BTEC Level 2 Extended Certificate atau BDTVEC Skill Certificate 2 atau ISQ (Industrial Skill Qualification atau NTC 2 (National Trade Certificate) atau yang sebanding dengannya.
- Kelulusan akademik yang lebih tinggi adalah menjadi keutamaan. (Tertakluk kepada sebarang perubahan mengennainya).

Pemohon yang telah memenuhi syarat-syarat kemasukan yang telah dinyatakan akan dipanggil oleh Pejabat Pengambilan ABDB bagi mengikuti Proses Pemilihan seperti berikut:

- 1. Tapisan Keselamatan.** Pemohon hendaklah bebas daripada tidak terlibat dalam melakukan kesalahan seperti jenayah yang melibatkan pihak agensi luar seperti Polis Diraja Brunei, Mahkamah Awam, Biro Kawalan Narkotik, Mahkamah Syariah. Pemohon akan menjalani Tapisan Keselamatan dan Ujian Air Kencing (UAK) yang dijalankan oleh pihak ABDB.
- 2. Ujian Ketahanan Jasmani.** Ujian ini merangkumi dua perkara:
 - Ujian Renang** – Setiap pemohon akan berenang sejauh 50 meter dengan menggunakan Gaya Bebas dan Kuak Dada sehingga penamat.
 - Ujian IFA** – Setiap pemohon akan berlari sejauh 2.4km, diikuti dengan ujian statik yang menguji kecergasan tubuh badan iaitu *Pull-Up* (bagi lelaki) / *Pull-Up* (bagi wanita), *Sit-Up* dan *Push-Up* dalam masa satu minit.

*Perlu diingatkan bahawa ujian IFA hanya akan dibuat oleh pemohon jika sekiranya pemohon tersebut lulus dalam ujian Renang.

3. **Ujian Bertulis.** Ujian bertulis dibahagikan kepada 03 bahagian:

- Ujian Kemahiran Bahasa Melayu.
- Ujian Psikologi dan Literasi / *Brunei Armed Forces Recruit Battery Test* (BARB).
- Ujian Pengetahuan Agama.

4. **Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian.** Setiap pemohon akan diperiksa oleh pihak Pusat Khidmat Kesihatan dan Perubatan serta Pusat Khidmat Pergigian ABDB. Pemeriksaan kesihatan (*PULHEEMS*) hendaklah sihat (*Fit Medical*) dan Pemeriksaan pergigian hendaklah sihat (*Fit Dental*). Pemeriksaan dan keputusan ini diperiksa dan disahkan oleh Pegawai Perubatan ABDB.

5. **Temuduga dan Penilaian Akhir.** Pemohon yang lulus dalam ujian-ujian di atas akan ditemuduga oleh sub-unit bagi menentukan kemasukan ke unit-unit dalam ABDB selepas tamat latihan nanti.

Pemohon yang LULUS secara keseluruhannya dan yang telah DISOKONG PENUH oleh Badan Temuduga ABDB akan diserahkan kepada Kompeni Rekrut Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Garison bagi mengikuti Latihan Pengenalan Awal atau *Holding Platoon* selama 2 - 3 minggu sebelum latihan Asas Ketenteraan selama 6 bulan (bagi lelaki) dan 3 bulan (bagi wanita) dijalankan. Selepas menamatkan latihan nanti, lepasan rekrut akan mula berkhidmat di mana-mana unit dalam ABDB sepertimana yang telah ditetapkan oleh Badan Temuduga ABDB sebagai seorang tentera yang terlatih.

K
O
M
P
I
L
A
S
I

K
E
B
E
R
A
N
G
K
A
T
A
N



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri
920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah**

THE SOVEREIGN'S PARADE

ROYAL MILITARY ACADEMY SANDHURST



Jumaat, 15 April 2011 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengikuti kursus latihan Pegawai Kadet di Akademi Tentera Diraja Sandhurst *Commissioning Course 102*, United Kingdom bermula 9 Mei 2010 hingga 15 April 2011. Kursus latihan Pegawai Kadet yang Duli Yang Teramat Mulia hadiri selama 44 minggu merangkumi latihan asas ketenteraan dan juga nilai asas kepimpinan, tanggungjawab serta akauntabiliti, di mana hasilnya dapat digunakan oleh Duli Yang Teramat Mulia bagi memimpin dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Duli Yang Teramat Mulia telah menamatkan latihan dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KENAIKAN PANGKAT LEFTENAN

Jumaat, 14 September 2012 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Upacara Kenaikan Pangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ke Leftenan Tetap bertempat di Mes Pegawai Berakas Garison.

1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI



KENAIKAN PANGKAT KAPTEN

Rabu, 31 Ogos 2016 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah dikurniakan pangkat Pemangku Kaptan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Mes Pegawai Bolkiah Garison pada 31 Ogos 2016.



PENGURNIAAN ROYAL AIR FORCE WING BADGE



Khamis, 29 Mac 2018 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan *RAF Wing Badge* kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada 29 Mac 2018 bertempat di *Defence Helicopter Flying School, RAF Shawbury, United Kingdom*.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah berjaya menamatkan Latihan *Elementary Flying* selama tujuh bulan di *Royal Air Force (RAF) Cranwell, United Kingdom* pada 28 April 2017. Duli Yang Teramat Mulia juga telah menjalani Latihan Penerbangan *Single Engine Rotary Wing (SERW)* di *RAF Shawbury, United Kingdom* pada bulan September 2017 untuk menjadi juruterbang helikopter.



PENGURNIAAN LENCANA JURUTERBANG TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI



Ahad, 1 Julai 2018 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Lencana Penerbangan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen bertempat di Penanjong Garison, semasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-57.



MAJLIS MAKAN MALAM BERADAT SEMPENA PERTUKARAN PEMERINTAH TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI (TUDB)



Jumaat, 28 September 2018 - Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) telah mengadakan Majlis Makan Malam Beradat di Mes Pegawai Berakas Garison sempena pertukaran Pemerintah TUDB.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Turut hadir ke majlis adalah Pemerintah TUDB, Yang Mulia Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat (Pemerintah ABDB sekarang) dan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah (Mantan Pemerintah TUDB), Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai TUDB.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai dan diteruskan dengan bacaan doa dan makan malam. Pemerintah TUDB kemudiannya dijemput untuk menyaksikan dan memimpin Pancaragam ABDB dan seterusnya dijemput untuk beramah mesra bersama Pegawai-Pegawai TUDB. Majlis diakhiri dengan menandatangani lembaran kenangan.

Majlis Makan Malam Beradat ini diungkuhkan sebagai salah satu tanda penghormatan bagi mengenang jasa, khidmat bakti serta pengorbanan yang telah disumbangkan dan mengeratkan hubungan di antara Pegawai-Pegawai TUDB.



LATIHAN KHAS MARITIM

Ahad, 12 April 2019 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menjalankan Latihan menentang pengganas (Maritim) bersama Rejimen Pasukan Khas (RPK) bertempat di kawasan pelantaran minyak di perairan Brunei Darussalam.

Latihan ini mengambil masa selama lima hari, yang mana antara jenis latihan yang dijalankan adalah seperti renangan tempur jarak jauh, teknik memanjat, menyelamat tawanan, *Fast Boat Drop* dan pengendalian Bot Perahu Laju.

Latihan ini telah memberi Duli Yang Teramat Mulia kebolehan untuk melaksanakan operasi menentang pengganas dengan menggunakan pelbagai tataraca penyusupan masuk ke kawasan objektik dan menawan balik dari pengganas.





PENGURNIAAN LENCANA REJIMEN PASUKAN KHAS



"TANGKAS BERANI"

Ahad, 30 Jun 2019 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengikuti persembahan arena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) yang ke-58 yang diadakan di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Sambutan HUT kali ini turut menjadi catatan sejarah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan penganugerahan warga kehormat Rejimen Pasukan Khas (RPK) kepada Duli Yang Teramat Mulia.

Penganugerahan warga kehormat RPK tersebut adalah berdasarkan peranan dan sifat kepimpinan serta sumbangan Duli Yang Teramat Mulia kepada perkembangan dan keupayaan RPK ABDB selain mempunyai semangat juang yang tinggi, memiliki sifat keberanian yang utuh dan tidak mudah menyerah kalah serta memiliki semangat kepahlawanan dengan wawasan yang sangat jauh.





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyertai persembahan arena yang menunjukkan keupayaan demonstrasi *direct vehicle ambush and interdiction* dari pegawai dan anggota Rejimen Pasukan Khas (RPK). Persembahan tersebut memperlihatkan taktik dan teknik penyusupan sebelum melaksanakan misi dengan daya keupayaan tinggi dan kebolehan yang sangat profesional di dalam melaksanakan misi yang berprofil tinggi iaitu operasi menggagalkan aktiviti kumpulan pengganas.



PENGURNIAAN LENCANA 'AIRBORNE AND FREE FALL BADGE'



Rabu, 16 Oktober 2019 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dikurniakan lencana *Airborne* dan *Military Free fall*. Lencana tersebut di sampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kursus Asas *Airborne Static Line* yang telah dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia dikendalikan oleh Unit Payung Terjun Pembekal Udara Taktikal (UPTPUT), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) selama 11 hari, manakala bagi Kursus Asas *Military Free Fall* dikendalikan oleh *Special Operations Tactical Support Centre (SOTSC) Commando Training Institute (CTI) Singapore Armed Forces* di Republik Singapura selama 24 hari.

Kedua-dua kursus tersebut disertai oleh Duli Yang Teramat Mulia berserta dengan 12 anggota yang terdiri dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan juga Angkatan Bersenjata Republik Singapura. Kursus Asas *Airborne* dikendalikan oleh TUDB dan Kursus *Military Free Fall* adalah kursus dua hala yang dikendalikan oleh Rejimen Pasukan Khas (RPK), ABDB dan juga *Special Operations Training Support Centre, Angkatan Bersenjata Republik Singapura*.

Turut berangkat ke Majlis Penyampaian Lencana Kursus Asas *Airborne* dan *Military Free Fall* yang diadakan di Penanjong Garison adalah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri. Turut Hadir ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Pertahanan Kedua, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan juga Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.






KENAIKAN PANGKAT MEJAR



Khamis, 20 Mei 2021 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang telah dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap. Majlis Kenaikan Pangkat tersebut berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison.





KELAYAKAN KATEGORI *COMBAT READY (CR)*

Selasa, 26 Mei 2021 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menjalani latihan penerbangan *Combat Ready (CR)* yang dikendalikan oleh Tentera Udara Diraja Brunei. Latihan ini telah melayakkan Duli Yang Teramat Mulia dinaiktarafkan keupayaan kepada kategori status *CR Co-Pilot [Day]*.

Status *CR Co-Pilot [Day]* telah membolehkan Duli Yang Teramat Mulia melaksanakan operasi penerbangan serta penugasan yang lebih mencabar seperti Operasi Mencari dan Menyelamat menggunakan kaedah *Winching* dan Operasi *Special Operations*. Pada masa yang sama, ianya telah melayakkan Duli Yang Teramat Mulia bagi turut serta pada penerbangan *Close Formation* bagi Upacara Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Selain dari itu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah selesai menjalani latihan penerbangan malam yang telah melayakkan Duli Yang Teramat Mulia dianugerahkan kategori status *Limited Combat Ready (LCR) Co-Pilot [Night]*. Kategori status ini telah membolehkan Duli Yang Teramat Mulia melaksanakan penerbangan pada waktu malam, sekaligus melaksanakan tugas *Conventional Night Flying* termasuk penugasan *Aerial Medical Evacuation (MEDEVAC)*.





KOWIRA

KOPERASI ANGKATAN
BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



KOWIRA TAKAFUL AGENCY SDN BHD

K
O
W
I
R
A

- ✓ BERAKAS GARISON - 7328228//2395781
- ✓ BOLKIAH GARISON - 8278058
- ✓ LUMUT KEM - 8273958
- ✓ TUTONG/PENANJONG GARISON - 8276758

- ❖ Membaharui Road Tax
- ❖ Membaharui Insuran Bermotor
- ❖ 1st Party/3rd Party
- ❖ Membaharui Insuran Rumah
- ❖ Harga Insuran Yang Terjangkau-Boleh Runding
- ❖ Memberikan Perkhidmatan Secara Menyeluruh - Pengambilan Blue Card dan Membaharui Road Tax
- ❖ Di Buka Kepada Anggota-Anggota ABDB dan Orang Awam



  FB/IG Kowira-DTB

KOWIRA

TAKAFUL AGENCY SDN BHD

CAWANGAN LUMUT KEM

KOWIRA

TAKAFUL AGENCY SDN BHD

CAWANGAN PENANJONG GARISON

KOWIRA

TAKAFUL AGENCY SDN BHD

CAWANGAN BOLKIAH GARISON

PROCEDURES FOR WORKPLACES

IN THE EVENT OF A MEMBER OF STAFF BEING DIAGNOSED WITH COVID-19



1 IDENTIFY A FOCAL PERSON

Identify a senior officer to be the main focal point between the Ministry of Health and the workplace.

2 ROLE OF A FOCAL PERSON

2.1 IDENTIFY ALL STAFF WHO WERE IN CONTACT WITH THE CONFIRMED CASE. THIS INCLUDES:

- All staff who share an office space or area
- Close colleagues and other collaborators
- Staff who shared meeting rooms
- Other staff who were in a confined space with the case for more than 30 Minutes

2.2 SEND ALL IDENTIFIED STAFF HOME FOR SELF-ISOLATION

2.3 COMPILE LIST OF ALL CONTACTS WITH NAME, CONTACT NUMBER AND IDENTITY CARD

2.4 SEND LIST TO MINISTRY OF HEALTH:

- Call Health Advice Line at 148
- Wait for further instructions from Ministry of Health



3 ROLE OF MINISTRY OF HEALTH

Ministry of Health will inform the relevant Head of Department of the confirmed case of COVID-19 in the workplace.



OHS Poster
July 2020
Inspectorate Unit RBAF

COVID-19
CORONAVIRUS DISEASE 2019

LET'S ALL DO OUR PART

WEAR A MASK IF YOU ARE SICK



MONITOR YOUR TEMPERATURE



WASH YOUR HANDS OFTEN



COVER YOUR MOUTH WITH TISSUE WHEN SNEEZING OR COUGHING

ACT RESPONSIBLY



RESTRICT TRAVELLING



STAY AT HOME IF YOU ARE SICK



AVOID CROWDED PLACES



LIMIT HANDSHAKES

The background features a large, semi-transparent watermark of the Brunei coat of arms, which includes a crown, a shield with a sword and a crescent, and the word 'BRUNEI' at the base. To the right of the coat of arms is the 'JUBLI INTAN' logo, which consists of two interlocking rings and a central sword. The text is centered over these elements.

**KOMPILASI RIADAH
BERSAMA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
DAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI

RIADAH BERBASIKAL SEMPENA HUT ABDB 2018



Ahad, 25 November 2018 - Acara Riadah Ekspedisi Berbasikal sempena Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang ke-57 membuktikan ianya bukan hanya sekadar aktiviti kesihatan malah mampu menyatupadukan perpaduan dari segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Riadah tersebut juga adalah salah satu aktiviti yang mendorong sukan negara iaitu berbasikal

Apa yang paling bermakna bagi rakyat dan penduduk di negara ini ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengetuai riadah berkenan berkayuh basikal bersama lebih 1,000 peserta berbasikal terdiri daripada warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kanak-kanak hingga ke warga emas yang setentunya menjadi satu catatan sejarah tersendiri yang diadakan secara besar-besaran.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan mengetuai kayuhan beramai-ramai sepanjang 11.5 kilometer yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan berlepas di hadapan Pentas Diraja di taman ini yang berlatarbelakangkan Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Acara kemudian menyaksikan ketibaan pekayuh basikal terdiri daripada golongan pasukan berbasikal Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berjaya melalui laluan sejauh 57km yang berlepas lebih awal lagi.



KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ABDB SERTAI ACARA RIADAH BERBASIKAL HARI KELUARGA KEBANGSAAN KE-7



Ahad, 6 Mei 2018 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli menyertai acara 'Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni' yang berlangsung di ibu negara. Acara tersebut diadakan bersempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan ke-7.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan ahli-ahli Kerabat Diraja.



Salah satu acara sampingan yang dikendalikan oleh ABDB ialah acara perlawanan tarik kalat bersama Pasukan Polis Diraja Brunei. Tema pada tahun itu 'Keluarga Penyayang, Negara Gemilang' menekankan pentingnya institusi keluarga yang kukuh dan harmoni untuk membentuk masyarakat dan negara yang bersatu padu dan damai. Tumpuan tahun ini adalah mengenai isu penyalahgunaan dadah dan cara untuk menangani implikasi yang mengancam kestabilan dan kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ABDB SERTAI RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2018



Ahad, 22 Julai 2018 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemer duli menyertai acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2018 yang bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-72 tahun.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan ahli-ahli Kerabat Diraja bagi memeriahkan aktiviti sihat itu.

Dengan mempamerkan semangat yang kuat, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga memaparkan satu aktiviti yang baru iaitu polo basikal. Ini menggabungkan polo tradisional yang sangat digemari oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam, dengan latihan aerobik berbasikal yang dikenali sebagai hobi kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Acara riadah ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan dan Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, serta penglibatan semua kementerian yang lain termasuk Kementerian Pertahanan.

بريتا فراجوريت دان فرتاهنن PERAJURIT & PERTAHANAN

KOMITI PENERBIT

PENGERUSI

Lt Kol Fakhrol Ammar bin Haji Mohammad Isa

PENYUNTING

Mej Noranellwi bin Siaran
Mej Hj Mohammad Wadiwadera bin Hj Mohammad Wahid

PENYUMBANG & PENULIS

Kapt Nazirul Asri bin Suhari
Lt Abdul Hakim bin Hj Shahrum
Lt Nurafifi binti Abdul Jalil
Lt Ak Danial bin Pg Hj Shahrum
Lt Mohammad Afiq bin Hj Janaidi
Lt Ahmad Rusydan bin Hj Hamdan
Lt Mohammad Zairulhafiy bin Hj Mat Zaini
Lt Abdul Hakim bin Hj Abdul Rahim
Lt Muhammad Imma'mull Al Khair bin Zailan
Lt Ak Muhammad Nur'Syafiq Adha bin Pg Roslan
Lt Muhammad Athhar Ridzwan bin Hj Muhammad Alamizan
Lt Mohammad Iqbal bin Hj Awang Sidik
Lt Hazman bin Laiman

MEDIA

Unit Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan
Sel G2 Markas TDDB
Sel N1 Markas TLDB
Sel A2 Markas TUDB
Sel G2 RPK ABDB
Hj Mohammad Khairuddin Hj Kassim

REKA BENTUK

Lt Ak Muhammad Naufal bin Pg Hj Alihashim
Lt Abdul Hafiiz bin Hj Jimidin
Lt Muhammad Akmal Amali bin Hj Rusli
Lt Muhammad Hafiy Fitri bin Awg Adanan

Majalah Berita Perajurit & Pertahanan Edisi Khas Jubli Intan adalah penerbitan Kementerian Pertahanan yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sempena 60 tahun penubuhannya. Penerbitan ini adalah Hak Cipta terpelihara tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Hak Cipta, 1986. Tidak ada sebahagian dari penerbitan ini dibenarkan untuk penerbitan semula dalam bentuk atau apa carapun. Sebahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar tanpa izin bertulis dari penerbit terlebih dahulu. Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas pengembalian semula naskah yang dihantar.



KATA-KATA DARI KOMITI PENERBIT

Sepanjang 60 tahun penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), ABDB telah berkembang jauh dari jangkauan di bidang pertahanan dan keselamatan. Di mata dunia, ABDB telah matang dengan usia dan telah berkembang menjadi satu organisasi yang dapat dibanggakan. Peningkatan ABDB bukan sahaja dari segi kemampuan ketenteraan, malahan juga dari aspek hubungan diplomatik.

Perkembangan dan transformasi ABDB yang berkembang luas tidak akan dapat direalisasikan tanpa kepimpinan yang bijaksana dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kearah itu majalah ini didedikasikan sebagai satu tanda menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli Kerabat Diraja.

Majalah Berita Perajurit & Pertahanan Edisi Khas Jubli Intan ABDB ini mengandungi empat segmen. Segmen pertama adalah Kompilasi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Segmen kedua adalah kompilasi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Segmen ketiga adalah kompilasi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke Kementerian Pertahanan dan ABDB. Segmen terakhir adalah Kompilasi keberangkatan Riadah bersama Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Dalam kesempatan ini, komiti penerbit ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan dan berharap siri majalah ini akan meninggalkan tanda yang berkekalan dalam penyebaran maklumat yang berguna dalam memberi motivasi serta mendidik warga Kementerian Pertahanan dan ABDB.



1961-2021
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI